

## **Kebudayaan dan Tradisi Pengebumian Keranda Kayu Balak Kuno di Sabah: Satu Pengenalan**

Yunus Sauman Sabin

### ***Abstract***

*The culture and tradition of burial using ancient timber in Sabah has been discovered by archeologists over the years. Thirteen locations were found with timber coffins of the belian, meranti, merbau and seranyah types, and are of various sizes and carvings based on vegetation, animal and geometrical designs. These timber coffins were found in caves which were marked by wooden signs at the mouths of the caves to denote the number of graves inside, and the families that were buried there. The coffins which are accompanied by other artifacts have ages that ranged between 1000 and 1400 years old. These discoveries show there were similarities and uniqueness between timber coffins in Sabah and other places in Southeast Asia and China.*

***Keywords*** Sabah burial tradition, timber coffin, Malaysian archeology.

### ***Abstrak***

Tradisi dan kebudayaan pengebumian yang menggunakan balak kuno di Sabah telah dijumpai ahli-ahli arkeologi sejak beberapa tahun yang lalu. Tiga belas lokasi telah ditemui mengenai keranda kayu jenis belian, meranti, merbau dan seranyah, dan dalam pelbagai saiz dan ukiran yang diasaskan corak tumbuh-tumbuhan, binatang dan geometri. Keranda ini ditemui di gua-gua yang ditanda dengan kayu di mulut gua-gua tersebut yang menunjukkan bilangan kubur di dalamnya dan berapa keluarga dikebumikan di situ. Keranda yang diiringi artifak lain berumur di antara 1,000 hingga 1,400 tahun. Penemuan ini menunjukkan adanya persamaan dan keunikan antara keranda kayu di Sabah dan lain-lain tempat di Asia Tenggara dan China.

***Kata Kunci*** Tradisi Sabah, pengebumian, keranda kayu balak, arkeologi Malaysia

## PENDAHULUAN

Semenjak tahun 1960-an, Tom dan Barbara Harrisson telah pun menjalankan beberapa kajian arkeologi di Sabah termasuklah kajian terhadap kebudayaan dan tradisi keranda kayu balak yang banyak terdapat di bahagian pantai timurnya. Hasil kajian tersebut kemudiannya diterbitkan dalam *Sarawak Museum Journal* dan juga beberapa jurnal lain. Walau bagaimanapun laporan yang lebih lanjut mengenainya terdapat di dalam sebuah monograf yang diterbitkan oleh Sabah Society, berjudul 'The Prehistory of Sabah' pada tahun 1970.<sup>1</sup> Sebelum kajian oleh Tom dan Barbara Harrisson, terdapat beberapa laporan yang bukan berbentuk kajian oleh beberapa pihak berkaitan dengan kehadiran keranda kayu balak di beberapa tempat di Sabah (Yunus Sauman)<sup>2</sup>. Ini termasuklah laporan oleh G.V. Creagh<sup>3</sup> dan unit survei kerajaan British North Borneo yang menyatakan kehadiran keranda kayu balak di Miasias Darat.<sup>4</sup> Selepas era Harrisson, tidak ada lagi penyelidikan dilakukan sehinggalah pada tahun awal 1980-an apabila Peter Bellwood bersama-sama dengan pasukan penyelidik dari Jabatan Muzium Sabah membuat beberapa kajian tapak arkeologi di Sabah seterusnya melaporkan kehadiran keranda kayu balak di beberapa tapak seperti di Gua Madai, Baturong<sup>5</sup> dan Segarong.<sup>6</sup> Walau bagaimanapun usaha tersebut juga tidak berterusan sehinggalah Clive W. Marsh<sup>7</sup> melaporkan kehadiran keranda kayu balak di Lembah Danum, Ulu Segama dan memberikan pentarikhan terhadapnya pada tahun 1992 seterusnya kajian yang dilakukan terhadap tapak Gua Batu Tulug untuk disertasi sarjananya pada tahun 1998 (Yunus Sauman).<sup>8</sup>

## Perkembangan

Daripada beberapa tahap penyelidikan terhadap keranda kayu balak purba kesemuanya memberikan sumbangan pada darjah masing-masing. G.V. Creagh<sup>9</sup> umpamanya, telah memulakan laporan kewujudannya dan ditambah oleh Tom dan Barbara Harrisson yang turut memaparkan sedikit gambaran tentang perhubungan antara penduduk setempat dengan tradisi dan tapak tersebut.<sup>10</sup> Sementara pada era 1980-an pula, bermulanya usaha memberikan pentarikhan kronometrik khususnya kaedah  $C_{14}$  dan ia kemudiannya diteruskan oleh Yunus Sauman dengan penemuan beberapa tapak baharu dan huraian serta pandangan baharu tentang tradisi tersebut pada era 1990-an hingga kini.

Secara umumnya, terdapat sekurang-kurangnya 13 tapak lokasi yang mengandungi keranda kayu balak kuno di Sabah iaitu 5 di sepanjang Sungai Kinabatangan, 4 di Sungai Segama, 3 di Lahad Datu dan 1 di Kunak. Tapak di Kinabatangan ialah Gua Gomantong, Gua Batu Tulug, Gua Batu Supu, Gua Miasias Darat dan Gua Sarupi. Tapak di Segama pula ialah Gua Tapadong, Batu Balos, Muara Sungai Kalisun dan di Kuala Danum. Sementara di Lahad

Datu pula ialah di Gua Madai, Hagop Bilo dan di Segarong. Manakala di Kunak pula ialah di Gua Sipit. Daripada 13 buah tapak setakat ini, tapak yang paling banyak mempunyai deposit keranda kayu balak kuno ini ialah di Gua Batu Tulug dan Gua Miasias Darat dan daripada 13 buah tapak ini juga hanya beberapa keranda kayu balak kuno di Gua Batu Tulug dan Gua Madai sahaja yang dikaji secara terperinci sementara pentarikhan kronometrik atau *absolute dating* pula hanya dibuat terhadap tapak Gua Batu Tulug, Hagop Bilo, Segarong, Kuala Sungai Kalisun dan Kuala Danum sahaja. Itupun masih belum mencukupi kerana pemilihan sampel keranda adalah secara rawak dan belum dikalibrasi (*calibrated*) dengan mengambil kira usia kayu sebelum ia digunakan sebagai keranda kayu balak.

Berdasarkan kepada pentarikhan kronometrik yang diperolehi daripada beberapa contoh keranda, tradisi ini telah pun bermula di Sabah semenjak lebih 1000 tahun yang lalu.<sup>11</sup> Walau bagaimanapun terdapat satu pentarikhan yang diperolehi sewaktu ekskavasi di Gua Batu Tulug yang memungkinkan bahawa tradisi tersebut telah pun bermula lebih awal iaitu 1417 BP.<sup>12</sup> Tradisi ini juga berterusan sehingga pada hari ini oleh beberapa kumpulan masyarakat tempatan iaitu komuniti Dusun Sungai di Tongod dan Pinangah, Ulu Kinabatangan dan kelompok Dusun Segama di Kampung Tawayari, Ulu Segama. Walau bagaimanapun dalam tempoh yang panjang dan atas beberapa sebab ia telah mengalami beberapa perubahan sama ada dari segi bentuk dan pola hias keranda mahupun cara amalannya. Berikut merupakan jadual pentarikhan keranda kayu balak kuno di Sabah.

**Jadual 2** Pentarikhan Keranda Kayu balak kuno

No. Rujukan	Pentarikhan	Tapak	Jenis sampel
Beta 68387	280+/-70BP	Kuala Danum <sup>13</sup>	tulang kanak-kanak
Beta 68388	740+/-70BP	Kuala Danum <sup>14</sup>	keranda
Beta 46225	630+/-50BP	Muara Sg. Kalisun <sup>15</sup>	keranda
Beta 131330	690+/-50BP	Gua Bt. Tulug <sup>16</sup>	keranda
WK 9216	1417+/-80 BP	Gua Bt. Tulug <sup>17</sup>	arang
ANU 2944	960+/-70BP	Madai <sup>18</sup>	keranda
ANU 3446	1000+/-70BP	Segarong <sup>19</sup>	tiang pangkin
ANU 5766	790+/-70BP	Baturong <sup>20</sup>	keranda
.....	1170 hingga 940BP	Melanta Tutup	keranda

Dalam amalan tradisi ini, terdapat beberapa elemen yang utama dan penting untuk diketahui. Pertamanya ialah keranda kayu balak itu sendiri di samping penanda kubur yang juga disebut sebagai *marker device* dan objek

yang disertakan sewaktu pengebumian dijalankan. Keranda kayu balak tersebut diperbuat daripada batang balak jenis *dipterokap* tanah rendah seperti kayu belian, meranti, merbau dan serayah. Ia dibuat dengan cara memotong batang balak mengikut kesesuaian dan secara purata antara 2.5 hingga 3 meter panjang bagi ukuran orang dewasa. Walau bagaimanapun terdapat keranda yang menjangkau sehingga 20 kaki termasuk bahagian hujung lidah keranda seperti yang ditemui di Batu Supu, Kinabatangan (Gambar 1). Ia kemudiannya dibelah dan ditebuk atau dikorek seperti dalam pembuatan perahu jalur (*dug-out canoe*). Cara ini mempunyai persamaan dengan teknik pembuatan keranda kayu balak yang terdapat kalangan masyarakat Sulod di Panay, Filipina sebagaimana yang pernah dinyatakan oleh F. Landa Jocano.<sup>22</sup>



**Gambar 1** Penyelidik bersama keranda kayu balak yang berukuran mencecah sehingga 20 kaki termasuk ukiran figura kepala seladang di bahagian hujung keranda di kompleks Gua Batu Supu, Kinabatangan.

Dalam pembuatan ini, alat yang paling penting ialah kapak dan juga beliung yang juga dikenali sebagai ‘wasoi’ oleh sesetengah penduduk tempatan di Kinabatangan.<sup>23</sup> Terdapat keranda kayu balak yang mempunyai ukiran dan pelbagai bentuk bahagian pemegang seperti kepala seladang, ekor ikan dan mulut buaya ternganga tetapi umumnya lebih banyak keranda kayu balak yang tidak mempunyai pola hias atau ukiran turisan di bahagian badan penutup keranda. Antara bentuk ukiran dan pola hias di bahagian penutup ialah bentuk kepala seladang (Gambar 2), bentuk muka kongkang,<sup>24</sup> bentuk jalur belang (Gambar 2), bentuk lidah dan lidah berlapis dua (Gambar 2), bentuk takikan,

bentuk ekor ikan, bentuk ular (Gambar 3), buaya (Gambar 4), kepala kijang (Gambar 5), anthropomorphik dan tumbuh-tumbuhan.<sup>25</sup> Walau bagaimanapun terdapat juga keranda kayu balak yang tidak mempunyai sebarang ukiran dan bentuk yang khusus. Ini disebabkan oleh sifat kayu yang terlalu keras dan sukar untuk diukir seperti kayu belian dan kerana kematian mengejut yang memerlukan penggunaan keranda dengan kadar yang cepat sedangkan ia belum disiapkan sepenuhnya.



**Gambar 2** Contoh keranda yang mempunyai pelbagai motif ukiran seperti Figura kepala seladang, lidah berlapis, berbelang, bertakik di bahagian hujung badan, pola hias mata gergaji, lingkaran pucuk paku dan bunga matahari.

Teknik pembentukan pola hias di bahagian luar badan keranda ialah dengan memahat dan kebanyakan pola hias pahatan adalah bercirikan alam semulajadi iaitu sama ada tumbuh-tumbuhan mahupun binatang. Namun ada juga pola hias turisan berbentuk garis linear dan geometri. Bentuk pola hias yang paling popular ialah bentuk pusaran, bentuk pokok dan daun pakis, bulatan bercabang empat dan bentuk mata gergaji atau duri ikan.<sup>26</sup> Secara umumnya bentuk spiral itu tidak mempunyai banyak perbezaan dengan bentuk *dongson spiral* yang terdapat pada gendang gangsa Heger 1.<sup>27</sup>





**Gambar 3** Pola hias bermotif ular yang terdapat pada keranda di Kompleks Batu Supu, Kinabatangan.



**Gambar 4** Pola hias bermotif buaya yang distailistikkan yang terdapat pada keranda di Kompleks Batu Supu, Kinabatangan.



**Gambar 5** Figura berbentuk kepala kijang dari tapak Gua Tapadong.

### **Teknik pengebumian keranda kayu balak**

Teknik atau cara amalan pengebumian keranda kayu balak, umumnya ada dua jenis iaitu berpangkin dan tanpa pangkin. Cara yang pertama merupakan cara yang paling popular dan paling banyak ditemui terutamanya di Gua Batu Tulug, Kompleks Batu Supu dan Gua Tapadong. Walau bagaimanapun pada hari ini, keadaan itu telah berubah, banyak pangkin telah rosak dan keranda bertaburan di atas lantai gua. Hanya selepas restorasi dijalankan pada tahun 1996 oleh Jabatan Muzium Sabah barulah ia kelihatan seperti sediakala. Sewaktu tinjauan penulis terhadap tapak Gua Batu Tulug pada tahun 2002, masih terdapat tunggul-tunggul tiang yang terpacak tetapi tidak mempunyai pangkin. Malah terdapat satu tunggul tiang yang ditemui dalam ekskavasi yang dilakukan di petak NE1 pada tahun 1998.<sup>28</sup>

Terdapat dua cara penyediaan pangkin keranda kayu balak di Gua Batu Tulug iaitu dengan menggunakan empat tiang. Keranda diletakkan di atas palang yang dipasang pada keempat-empat tiang (Gambar 6) dan adakalanya ruang kosong di bahagian bawah pangkin itu juga diisi dengan keranda. Cara sebegini selalunya dilakukan di lantai gua yang luas. Manakala cara yang kedua ialah dengan hanya menggunakan dua tiang. Palang yang dipasang akan disokong oleh dinding gua dan di atasnyalah keranda diletakkan. Selalunya cara seperti ini dilakukan terhadap pelantar di tepi-tepi dinding gua. Kebanyakan peletakan keranda berpangkin atau berpelantar ini boleh dilihat

di Agop Lintanga dan Agop Dimunduk di Gua Batu Tulug. Berdasarkan kepada penemuan satu tiang pangkin di Agop sawat, berkemungkinan bahawa di gua ini juga terdapat beberapa pangkin keranda tetapi ia telah rosak dan tidak dapat dikesan lagi pada hari ini. Kerosakan itu mungkin disebabkan oleh kadar lapisan tanah di gua ini yang agak nipis menyebabkan tiang keranda mudah rebah dan mungkin juga telah dialihkan oleh pencuri harta karun. Jadi kebanyakan keranda kayu balak hanya diletakkan di atas batu dan juga pelantar yang hanya menggunakan batu sebagai penyokongnya. Ini adalah cara yang kedua iaitu dengan meletakkan keranda yang telah sempurna sama ada di atas lantai tanah atau lantai batu dan terdapat juga yang diletakkan di lubang-lubang gua yang terdapat di dinding gua. Cara seperti ini digunakan di kesemua tapak penemuan keranda kayu balak kuno di Sabah.



**Gambar 6** Cara peletakan keranda berpangkin di Gua Batu Tulug, Kinabatangan.

### **Penanda kubur (*Taka*)**

Selain daripada keranda kayu balak, elemen yang tidak kurang pentingnya di sesebuah tapak pengebumian ialah penanda kubur. Ia merujuk kepada beberapa batang kayu yang diletakkan di kawasan perkuburan sebagai tanda bahawa itu adalah kawasan atau tempat pengebumian. Dalam konteks Gua Batu Tulug, penanda kubur dirujuk kepada beberapa batang kayu yang terdapat di Agop Sawat (*upper cave*) dan Agop Lintanga (*middle cave*). Ia bukan merupakan




komponen keranda kayu balak tetapi merupakan sebahagian daripada objek pengebumian secara keseluruhannya. Di Gua Batu Tulug, terdapat empat batang kayu yang dikenal pasti sebagai penanda kubur. Dua daripadanya ditemui di Agop Sawat dan dua lagi ditemui di Agop Lintanga 1 dan tidak ditemui sebarang tanda kehadirannya di Agop Lintanga 2 dan 3.

Merujuk kepada penanda kubur yang dijumpai di Gua Batu Tulug, terdapat sekurang-kurangnya dua jenis. Pertamanya ialah penanda kubur yang dibuat secara khusus yang berfungsi sebagai penanda semata-mata. Jenis seperti ini boleh dilihat dalam saiz yang berbeza-beza. Umpamanya di Agop Sawat terdapat satu penanda kubur yang bersaiz besar dan terdapat satu lagi yang bersaiz kecil.<sup>29</sup> Penanda kubur yang bersaiz besar itu mempunyai ketinggian 662sm dan masih dalam keadaan sempurna, diletakkan secara menegak di hadapan pintu masuk gua. Penanda kubur ini mempunyai takikan (*notching*) sebagai tanda jumlah mayat yang telah dikebumikan di tempat tersebut. Selain daripada itu, pernyataan jumlah kematian di sesuatu tapak juga boleh dilakukan dengan menakik pada tiang pangkin keranda<sup>30</sup> dan membuat lubang pada sekeping papan<sup>31</sup> yang kemudiannya diletakkan di hadapan kelompok keranda. Jumlah takikan dan lubang itu menandakan jumlah kematian di tapak tersebut. Penanda kubur juga sebenarnya berfungsi untuk menunjukkan kumpulan suku ataupun keluarga yang telah menggunakan sesuatu tapak pengebumian itu. Ini berdasarkan kepada kehadiran beberapa penanda kubur di satu tapak yang sama.

## **Objek Pengebumian**

Sewaktu pengebumian dilakukan khususnya sewaktu keranda simati diletakkan di dalam gua, terdapat beberapa jenis batang yang diletakkan sebagai harta yang akan 'mengiringi' si mati dan selalunya objek tersebut ialah objek yang selalu digunakan atau disayangi oleh si mati semasa hayatnya. Jadi, selalunya barangan tersebut berupa peralatan untuk kegunaan harian seperti tembikar tanah untuk memasak (Gambar 7), peralatan dapur yang lain seperti pelbagai bentuk seramik dan juga benda tajam seperti parang, lembing, mata anak panah, sumpitan dan sebagainya. Ada tiga cara penyertaan objek iaitu dengan meletakkan beberapa objek tertentu ke dalam keranda bersama-sama mayat si mati atau objek tersebut diletakkan di dalam bekas tertentu kemudian diletakkan berhampiran dengan keranda si mati dan cara ketiga ialah dengan meletakkan objek di sekeliling keranda si mati sama ada objek tersebut diletakkan di atas tanah atau digantung pada tiang pangkin.



**Gambar 7** Menunjukkan sisa serpihan seramik yang disertakan dalam pengebumian keranda di Tapadong, Segama.

### **Interpretasi terhadap pola hias keranda kayu balak**

Secara umumnya, pola hias keranda di Sabah boleh dikategorikan sebagai geometrik, *anthropomorphic*, *zoomorfik*, motif tumbuhan dan garisan-garisan stailistik. Menyentuh tentang makna bentuk pola hias tersebut, sekurang-kurangnya ada dua tanggapan dan ini merupakan hasil kajian etnografi penulis terhadap masyarakat semasa di Lembah Kinabatangan dan Segama. Pengkaji mendapati bahawa hubungan antara masyarakat setempat dengan alam sekitar adalah sangat rapat sehingga menyebabkan banyak gerak laku mereka berpandukan kepada elemen tersebut. Segala bentuk ukiran ini pada asasnya dilihat sebagai ukiran penghias kepada keranda simati yang dilakukan sama ada simati sendiri sewaktu hayatnya ataupun oleh orang lain. Maknanya penggunaan pola hias pada keranda tidak mempunyai sebarang makna lain selain daripada sekadar hiasan semata-mata. Oleh yang demikian setiap orang atau pengukir boleh memilih ukiran yang disukainya tanpa adanya sekatan atas nama adat dan kepercayaan. Sebab itulah beberapa ukiran tertentu banyak berorientasikan alam sekeliling. Ini merupakan satu manifestasi masyarakat terhadap rasa keindahan mereka terhadap unsur-unsur alam tersebut selain daripada ia mungkin mudah untuk dilakukan. Mungkin lebih tepat kalau dinyatakan di sini bahawa ukiran-ukiran tersebut merupakan satu terjemahan apresiasi seni masyarakat setempat.

Kecenderungan untuk menghias keranda dalam masyarakat pribumi setempat di Sabah dan dengan merujuk kepada keranda-keranda kayu balak yang terdapat di Gua Batu Tulug dan juga di gua-gua lain merupakan satu tradisi berdasarkan kepada kepercayaan bahawa simati berhak untuk menikmati 'kemewahan' atau sekurang-kurangnya 'kehidupan yang sempurna' sebelum jasadnya hancur. Merujuk kepada kepercayaan tradisional masyarakat Dusun Sungei di Lembah Kinabatangan dan Subpan di Segama yang percaya terhadap kehidupan selepas kematian, maka kepercayaan itulah yang dimaksudkan sebagai perlu untuk dilengkapi dengan pelbagai bentuk 'kehidupan.' Oleh yang demikian, ukiran-ukiran yang terdapat pada keranda kayu balak itu merupakan sebahagian daripada usaha bagi maksud tersebut. Secara tidak langsung ukiran-ukiran pada keranda kayu balak itu jelas mencerminkan kasih sayang dalam masyarakat pengamal tradisi tersebut seperti sifat tolong-menolong, muafakat, ikatan persaudaraan, kasih sayang dan sebagainya. Ini berdasarkan kepada keterlibatan keseluruhan anggota masyarakat sewaktu upacara ritual menguruskan kematian. Sebab itulah kehadiran keranda kayu balak yang mempunyai pelbagai bentuk ukiran itu adalah manifestasi kepada penekanan sifat muafakat sesuatu suku kaum dengan cara setiap anggota komuniti si mati akan menyumbangkan tenaga secara bergotong-royong dalam menguruskan pengebumian.

Tafsiran kedua merujuk kepada sifat yang dihubungkan secara langsung dengan bentuk ukiran pada keranda kayu balak. Tafsiran kedua ini bersifat lebih khusus. Umpamanya kehadiran beberapa motif binatang seperti kepala seladang, ekor ikan, mulut buaya ternganga, ular, kepala kongkang ataupun monyet serta binatang lain dilihat sebagai mempunyai maksud tertentu yang lebih khusus sifatnya berbanding dengan hanya merupakan sebuah perlambangan kasih sayang masyarakat terhadap simati. Dengan itu juga ukiran tersebut lebih daripada hanya satu manifestasi penghayatan mereka terhadap keindahan alam. Sehubungan dengan itu setiap simbol atau bentuk ukiran mempunyai maknanya yang tersendiri dan sering kali pula makna tersebut dihubungkan dengan ciri-ciri simati sama ada ciri-ciri fizikalnya ataupun tingkah laku. Untuk melihat makna setiap simbol yang ada pada keranda tersebut pengkaji telah menjalankan kajian etnografi terhadap masyarakat Lembah Kinabatangan dan Segama. Sebagai contoh, bentuk kepala seladang itu melambangkan kegagahan dan keberanian. Bermakna simati adalah seorang ketua masyarakat atau pahlawan. Manakala bentuk mulut buaya ternganga pula membawa maksud kesucian. Fahaman ini bermula daripada kepercayaan tradisi mereka terhadap buaya yang dianggap sebagai saudara-mara nenek moyang mereka yang kudus.<sup>32</sup> Oleh itu bentuk mulut buaya ternganga itu merupakan simbolik kepada pengkudusan setiap yang mati.

## **Tafsiran terhadap orientasi peletakan keranda**

Berdasarkan kepada kehadiran keranda kayu balak yang berbeza-beza keadaan dan orientasi ukirannya di kesemua gua, kita boleh menyatakan bahawa keranda tersebut sebenarnya memberikan satu perlambangan sosial dalam masyarakat pengamalinya. Ini adalah tafsiran yang bersifat umum dan boleh diguna pakai untuk kebanyakan suku kaum pribumi di Asia Tenggara. Sebagai contoh masyarakat Ngorek dan Merap di Mentarang, Kalimantan Timur juga membezakan status dalam masyarakatnya melalui amalan pengebumian. Secara asasnya keranda kayu balak yang terdapat di tingkat yang paling atas melambangkan status sosial yang tinggi. Maknanya sewaktu hidup si mati, dia mungkin mempunyai kedudukan dalam masyarakatnya seperti menjadi ketua masyarakat, ahli agama, orang berada atau mungkin panglima perang. Oleh kerana status sosial juga sering kali dirujuk kepada kekuatan dalam hal-hal berperang kemudian dapat pula mengumpul kepala manusia yang dipenggalnya maka ciri-ciri ini tidak sepatutnya dikecualikan dalam memberi status kepada seseorang. Sebab itulah di Agop Sawat, Gua Batu Tulug, terdapat banyak keranda kayu balak yang mempunyai motif ukiran pelbagai bentuk.

Berbanding dengan keranda kayu balak yang terdapat di Agop Lintanga yang mana kebanyakan keranda kayu balaknya tidak mempunyai sebarang ukiran maka ia menggambarkan status sosial yang lebih rendah berbanding mereka yang dikebumikan di Agop Sawat. Mereka ini merupakan golongan 'rakyat' biasa. Pandangan ini berdasarkan kepada jenis-jenis tipologi dan pola hias keranda kayu balak. Pandangan tentang status sosial yang digambarkan oleh perletakan keranda dan juga tipologi terhadap bentuk dan pola hias adalah berasaskan kepada teori bahawa hanya golongan 'atasan' sahaja yang akan ditonjolkan kelebihannya berbanding dengan golongan bawahan. Melalui perletakan keranda pula, golongan yang mempunyai status dalam masyarakat selalunya akan ditempatkan di kawasan yang lebih tinggi berbanding dengan golongan lain. Jadi, merujuk kepada kedudukan gua di Agop Batu Tulug, agop yang paling tinggi ialah Agop Sawat dan di sanalah letaknya keranda yang mempunyai pelbagai bentuk tipologi dan pola hias. Manakala hampir kesemua keranda di Agop Lintanga tidak mempunyai sebarang pola hias yang istimewa sepertimana di Agop Sawat. Inilah yang dinyatakan sebagai pandangan asas terhadap keberadaan keranda-keranda kayu balak tersebut.

## **Kesimpulan**

Kebudayaan menggunakan keranda kayu balak dalam pengebumian gua bukan hanya terdapat di Sabah sahaja tetapi juga terdapat di beberapa tempat di rantau Asia Tenggara sama ada di bahagian kepulauan ataupun tanah besar. Beberapa kumpulan masyarakat tempatan masih mengamalkan tradisi yang

sama sehingga ke hari ini terutamanya penduduk di kawasan Ulu Kinabatangan dan Ulu Segama dan ini menunjukkan bahawa kawasan Pantai Timur Sabah sememangnya diduduki oleh satu masyarakat yang mempunyai kebudayaan yang sama dari segi amalan pengebumiannya semenjak 600 Masihi.

Dilihat dalam konteks Lembah Kinabatangan, agak sukar untuk menyatakan tempat permulaan tradisi tersebut sama ada bermula dari Gua Batu Tulug ataupun ia bermula dari tapak lain seperti Gua Gomantong, Batu Supu, Miasias Darat ataupun dari Agop Sarupi. Ini kerana setakat ini kita hanya mempunyai satu pentarikan radiokarbon daripada sebuah keranda kayu balak di Gua Batu Tulug dan pentarikannya ialah 690 +/- 50 BP atau sekitar 1210 AD hingga 1310 AD. Oleh yang demikian penulis berpendapat bahawa kebudayaan menggunakan keranda kayu balak dan pengebumian gua oleh penduduk setempat di pantai timur Sabah adalah sezaman antara satu kumpulan dengan satu kumpulan yang lain. Ini berdasarkan kepada beberapa kenyataan awal yang merujuk bahawa penduduk kawasan ini adalah bersifat homogenus pada masa lampau berbanding pada hari ini dan walaupun wujud suku-suku kaum, mereka tetap berinteraksi atas dasar keperluan ekonomi dan survival budaya. Oleh itu dalam banyak hal, kumpulan pengamal tradisi pengebumian keranda kayu balak itu berkongsi budaya antara satu sama lain.

Tradisi pengebumian keranda kayu balak di Segama mahupun di kawasan lain seperti yang ditemui di Madai, Baturong, Segarong dan Sipit juga mempunyai beberapa persamaan dari segi bentuk pola hias keranda seperti mempunyai bahagian pemegang ('lidah') yang berbentuk ekor ikan, mulut buaya ternganga, kepala seladang dan pola hias-pola hias turisan pada badan keranda terutamanya keranda kayu balak yang terdapat di Tapadong dengan sebahagian keranda yang terdapat di Lembah Kinabatangan. Persamaan beberapa ciri yang dilihat sebagai hampir sama antara Kinabatangan dan segama ini mungkin disebabkan oleh jarak geografinya yang lebih dekat. Berbanding dengan tapak Baturong, Madai, Segarong dan Sipit di Semenanjung Semporna. Sebab itulah beberapa bentuk pola hias turisan seperti lingkaran pucuk paku muda (*spiral*) boleh dilihat pada keranda di Segama sama seperti di Gua Batu Tulug dan Miasias Darat di Kinabatangan. Berbeza dengan keranda kayu balak di Agop Atas Gua Madai, Hagop Bilu Baturong, Sipit dan juga di Segarong di mana tidak pernah dilaporkan akan kehadiran pola hias sebagaimana yang terdapat di tapak-tapak pengebumian di Kinabatangan dan Segama. Oleh itu penulis berpendapat bahawa perbezaan ini disebabkan oleh kumpulan masyarakat pengamal yang berlainan. Tom dan Barbara Harrisson menyatakan bahawa keranda kayu balak yang terdapat di Madai, Baturong, Sipit dan Segarong itu merupakan kesan tinggalan kebudayaan Orang Idahan pra-Islam. Penulis pula berpendapat bahawa keranda kayu balak yang terdapat di Lembah Kinabatangan dan Lembah Segama itu sebagai kesan peninggalan budaya masyarakat Dusun Sungei pra-Islam.



Walaupun kedua-dua kumpulan masyarakat ini mempunyai beberapa persamaan sama ada dari segi perkongsian bahasa, budaya dan sebagainya tetapi jarak antara keduanya menjadikan perhubungan mereka agak terbatas tetapi masih berlaku. Lantas wujudlah identiti tertentu yang membezakan antara satu kumpulan masyarakat dengan satu kumpulan masyarakat yang lain. Dalam konteks ini, bentuk dan pola hias keranda kayu balak antara Orang Idahan dan Dusun Sungei adalah buktinya.

Perkara kedua yang boleh kita pertimbangkan dalam melihat kewujudan tradisi ini ialah keputusan pentarikhannya. Setakat ini, tapak Melanta Tutup dan Segarong merupakan tapak pengebumian keranda yang paling tua iaitu mencecah sehingga lebih 1000 tahun dahulu. Sementara di Gua Madai pula ialah 960 +/- 70 BP dan 790 +/- 90 BP bagi tapak Baturong. Berbanding dengan tapak-tapak di Lembah Kinabatangan dan Lembah Segama, pentarikan ini adalah lebih awal. Tapak yang mungkin terawal bagi kedua-dua kawasan ini ialah tapak pengebumian Kuala Danum iaitu 740 +/- 70 BP. Sementara tapak Gua Batu Tulug ialah 690 +/- 50 BP dan tapak Kuala Sungai Kalisun ialah 630 +/- 30 BP. Ini menunjukkan seolah-olah arah pergerakan tradisi tersebut ialah dari selatan ke utara iaitu dari Segarong di Semenanjung Semporna ke Gua Batu Tulug di Lembah Kinabatangan. Walau bagaimanapun dengan persampelan yang sedikit ini, mungkin ia tidak begitu tepat.

Dalam pada itu, hipotesis bahawa arah pergerakan tradisi dan budaya keranda kayu balak dari selatan ke utara itu masih ada rasionalnya. Pertamanya, kalau kita berbalik kepada pola hias keranda kayu balak yang terdapat di Lembah Kinabatangan dan Lembah Segama, memperlihatkan lebih banyak variasi berbanding dengan keranda kayu balak yang terdapat di Madai, Baturong dan Segarong yang dilaporkan sebagai *plain* sahaja. Ini memungkinan bahawa pada peringkat awal kemunculan tradisi itu, masyarakat pengamal nya masih belum mempunyai idea untuk memperhalusi keranda mereka dengan pelbagai ragam pola hias. Berbeza dengan masyarakat pengamal yang lebih lewat di Kinabatangan dan Segama, tetapi tidak bermaksud bahawa amalan pengebumian keranda kayu balak di Gua Madai atau Baturong terhenti selepas ia tersebar ke Segama dan Kinabatangan. Ini kerana kita masih menemui beberapa keranda kayu balak yang mempunyai ukiran yang cantik di tapak tersebut seperti yang terdapat di Sipit.

Tradisi ini tidak terhenti pada abad ke-14 tetapi diteruskan oleh kumpulan masyarakat tempatan tertentu khususnya di kalangan mereka yang tidak menganut agama Islam. Di Kinabatangan khususnya, berdasarkan kepada hasil kajian etnoarkeologi penulis, tidak kesemua tapak gua diteruskan amalannya selepas abad ke-14 sebaliknya mereka hanya memilih beberapa tapak seperti Miasias Darat yang berterusan digunakan sehingga abad ke-19 atau awal abad ke-20 dan juga Agop Sarupi yang diteruskan amalannya sehingga tahun 1960-an. Selain dari itu, sesetengah kumpulan Orang Sungei ini juga, walaupun

mereka masih meneruskan tradisi pembuatan keranda kayu balak tetapi mereka tidak lagi meletakkanya di dalam gua sebaliknya menanamnya di tempat tertentu dan ini merupakan kesan secara langsung dengan kemasukan ajaran agama Kristian. Contoh yang paling jelas ialah penduduk Kristian di Kampung Tongod dan Pinangah yang masih menggunakan keranda kayu balak tetapi menanamnya dengan cara agama Kristian.

Kalau tradisi ini dilihat dalam konteks serantau, ada beberapa isu yang menarik. Di kepulauan Filipina seperti di Palawan dan Bohol seakan-akan terdapat satu persamaan budaya yang rapat dengan pantai timur Sabah pada tempoh waktu antara abad ke-12 hingga abad ke-14. Ini berdasarkan kepada penemuan beberapa keranda kayu di Kuruswanan Ledge berhampiran dengan Gua Tabon di Palawan yang diberi pentarikhkan sekitar penghujung abad ke-13 atau awal abad ke-14. Walau bagaimanapun penemuan satu lagi tapak pengebumian keranda kayu balak di Lungun Cave menunjukkan kebudayaan tersebut lebih awal daripada tapak Gua Batu Tulug iaitu antara 700 AD hingga 1000 AD. Ini menunjukkan bahawa kebudayaan di Lungun Cave itu adalah sezaman dengan pengebumian keranda di Segarong dan juga Gua Madai di Sabah. Walau bagaimanapun, masih terdapat perbezaan dari segi bentuk keranda dan ini merupakan ciri-ciri tempatan yang berkembang dalam lingkungan persekitaran masyarakatnya. Contohnya penemuan keranda kayu balak di Bakun dan Panay. Tiada laporan yang menyatakan bahawa keranda-keranda di Central Panay itu mempunyai pola hias turisan melainkan berbentuk seakan-akan perahu sahaja. Sementara keranda kayu balak yang mempunyai ukiran seperti kepala kerbau di Bakun Tengah pula menunjukkan persamaan yang lebih dekat dengan keranda yang terdapat di Gua Batu Tulug.

Oleh itu, penulis berpendapat bahawa persamaan ini bertitik-tolak daripada ciri-ciri budaya yang sama kerana berada dalam satu wilayah dan rumpun yang sama. Pengkaji menyatakan demikian kerana terdapat beberapa istilah yang berkaitan dengan upacara ritual dan pengebumian yang sama atau sekurang-kurangnya hampir sama antara masyarakat pengamal tradisi pengebumian keranda di Palawan dengan masyarakat pengamal di Sabah. Umpamanya nama Lungun Cave itu sendiri. 'Lungun' dalam bahasa Dusun bermaksud 'keranda.' Begitu juga dengan istilah 'Babalyan' dalam kalangan masyarakat Batak di Palawan yang merujuk kepada orang yang pakar dalam kepercayaan animisme disebut sebagai 'Bobolian' dalam kalangan masyarakat Dusun di Sabah.

Setakat ini, kehadiran keranda kayu balak yang paling awal di Asia Tenggara ialah di Ongbah Cave, Thailand sebagaimana yang dilaporkan oleh Per Sorensen.<sup>33</sup> Beliau menghubungkan keranda kayu balak tersebut dengan keranda kayu balak yang ditemui di Szechwan, China secara khususnya di Chia-Ling-Kiang dan Chungking di Sungai Yangtze. Menurut Sorensen, tradisi pengebumian keranda kayu balak di Szechwan itu telah pun bermula semenjak abad ke-6 Sebelum Masihi dan berterusan hingga 221 BC atau lebih

lewat sedikit dari itu berdasarkan kepada penemuan duit syiling Pan Liang yang muncul sejurus selepas penyatuan China di bawah pemerintahan Dinasti Chin.<sup>34</sup> Oleh itu beliau berpendapat bahawa tradisi pengebumian keranda di Ongbah Cave telah pun bermula sebelum 230 BC dan kemudiannya berterusan sehingga beberapa tahun. Beliau juga mengaitkan kehadiran keranda kayu balak itu sebagai sezaman dengan kehadiran gendang gangsa Heger 1 di tapak yang sama. Pentarikhan tersebut jelas menunjukkan bahawa tradisi pengebumian keranda kayu balak di Thailand jauh lebih awal berbanding dengan amalan yang sama di Sabah dan begitu juga dengan tapak-tapak pengebumian keranda di Palawan, Panay dan Bakun di Filipina. Sebaliknya ia mungkin sezaman dengan tradisi pengebumian perahu di Kain Hitam, Gua Niah, Sarawak. Oleh itu tradisi keranda kayu balak di tanah besar Asia Tenggara itu seolah-olah terasing dengan tradisi yang diamalkan di kepulauan khususnya di Filipina dan Borneo dan mungkin juga di Sulawesi.

Berdasarkan kepada huraian sebelum ini jelas menunjukkan bahawa tradisi pengebumian keranda kayu balak di Asia Tenggara dan selatan China hanya wujud pada Zaman Logam Akhir. Ini kerana pada zaman tersebut telah wujud alat-alat gangsa dan besi yang sangat sesuai untuk digunakan dalam membuat keranda kayu balak. Menyentuh tentang amalan penggunaan keranda kayu balak, batang kayu balak dijadikan sebagai tempat untuk menyimpan mayat kerana ia cukup besar dan panjang. Kewujudan tradisi ini di beberapa tempat di rantau Asia Tenggara boleh dianggap sebagai satu *technocomplex*. Ini kerana tradisi tersebut sesuai dengan kewujudan teknologi pembuatan alat-alat logam yang kemudian digunakan untuk memotong dan mengukir keranda serta kewujudan bahan mentah (kayu balak) yang banyak di rantau ini.

Agak sukar juga untuk menyatakan kewujudan perhubungan kebudayaan antara satu tapak dengan satu tapak yang lain khususnya antara Pantai Timur Sabah dengan Sarawak, Thailand, Vietnam Utara, Selatan China dan Filipina. Ini kerana tidak terdapat ciri-ciri yang *very distinctive* antara keranda yang terdapat di Sabah dengan yang terdapat di Palawan, Panay, Gua Ongbah, Viet Khe, Chau Can dan juga di Szechuan, selatan China sama ada dari segi bentuk seperti *carved figure* kepala seladang, ekor ikan, mulut buaya ternganga, ular dan kepala kongkang mahupun pola hias bermotif tumbuh-tumbuhan. Bentuk dan pola hias ini hanya terdapat di Pantai Timur Sabah sahaja. Sementara objek yang disertakan dalam pengebumian juga masih jelas tidak sama antara satu sama lain. Umpamanya keranda kayu balak yang terdapat di Gua Ongbah diasosiasikan dengan gendang gangsa Heger 1 tetapi tidak ditemui di tapak keranda kayu balak di Sabah mahupun di Kain Hitam, Sarawak dan Palawan, Filipina.

Justeru kajian lanjut adalah sangat penting untuk menghuraikan satu tahap dan jenis tradisi yang dimiliki oleh sebahagian daripada masyarakat tradisional Asia Tenggara sama seperti jenis tradisi yang lain agar pengetahuan kita

terhadap kebudayaan di Asia Tenggara akan lebih mendalam. Tambahan pula dalam usaha memupuk nilai setiakawan dalam kalangan negara-negara anggota ASEAN, penjonolan terhadap unsur-unsur budaya yang boleh dianggap sejagat adalah sangat diperlukan.

### Nota Hujung

- <sup>1</sup> Tom and Barbara Harrisson. (1970). *The Prehistory of Sabah*. Kota Kinabalu: Sabah Society.
- <sup>2</sup> Yunus Sauman Sabin. (2002). Sejarah dan Perkembangan Penyelidikan Arkeologi Di Sabah. *Jurnal Arkeologi Malaysia*. Kuala Lumpur: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia. Hlm. 65-80.
- <sup>3</sup> G.V. Creagh. (1896). Unusual forms of burial by people of the East Coast of Borneo. *Jurnal of Anthropology Institute*. No. 26. Hlm. 33.
- <sup>4</sup> Land between Batu Putih and Lamag on the Kinabatangan River-Map of Lokan Forest Reserved, Kinabatangan District, Sandakan Residency. *North Borneo Central Archives*. No. 179 (C.F. 108/28). Sept. 1929.
- <sup>5</sup> Peter Bellwood. (1988). *Archaeological Research in South-eastern Sabah*. Kota Kinabalu: Sabah Museum and State Archives. Hlm. 251-253.
- <sup>6</sup> Peter Bellwood. (1989). Archaeological Investigation at Bukit Tengkorak and Segarong, South-eastern Sabah. *Bulletin of the Indo-Pacific Prehistory Association*. Bulletin 9. Hlm. 122-165.
- <sup>7</sup> Clive W. Marsh. (1996). A Brief History of the Forest of the Upper Segama Region of Eastern Sabah. *Sabah Society Journal*. Vol. 13. Kota Kinabalu: Sabah Society. Hlm. 47.
- <sup>8</sup> Yunus Sauman Sabin. (2002). Penyelidikan Arkeologi Di Lembah Kinabatangan, Sabah Dengan Tumpuan Kepada Gua Batu Tulug. Disertasi Sarjana Sastera. Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Pada pertengahan tahun 1990-an, terdapat beberapa kajian arkeologi yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia, USM tetapi ia tidak menyentuh kebudayaan keranda kayu balak. Antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Stephen Chia di tapak Bukit Tengkorak, Semporna. Lihat, Stephen Chia Ming Soon. (1997). *The Prehistory of Bukit Tengkorak As a Major Pottery Making Site in Southeast Asia*. Thesis Ph.D. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- <sup>9</sup> G.V. Creagh. (1896). "Unusual forms of burial by people of the East Coast of Borneo," *Jurnal of Anthropology Institute*. No. 26. Hlm. 33.
- <sup>10</sup> Barbara Harrisson and Michael Chong. (1965). Stories from Kinabatangan Caves, Sabah. *Sarawak Museum Journal*. Vol. XII. No. 25-26. Hlm. 67, Barbara Harrisson and O.T. Bambi bin Ungap. (1964). Tapadong-700 years old cave history in Sabah. *Sarawak Museum Journal* (New Series). Vol. 11. No. 23-24. Hlm. 663, Barbara Harrisson. (1960). Marker devices in East Sabah burial caves. *Sarawak Museum Journal* (new Series). Vol. 13. No. 27. Hlm. 323-334 dan Tom and Barbara Harrisson. (1970). *The Prehistory of Sabah*. Kota Kinabalu: Sabah Society. Hlm. 33-82.
- <sup>11</sup> Peter Bellwood. (1988). Hlm. 252-253.
- <sup>12</sup> Yunus Sauman Sabin. (2001). Tapak Pengebumian Purba di Lembah Danum, Hulu Segama, Sabah: Satu Tinjauan. *Jurnal Persatuan Muzium Malaysia*. Bil. 20. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia. Hlm. 22-40.
- <sup>13</sup> Clive W. Marsh. (1996). Hlm. 48.
- <sup>14</sup> *Ibid.*
- <sup>15</sup> *Ibid.*
- <sup>16</sup> Yunus Sauman Sabin. (2002). Hlm. 133.
- <sup>17</sup> *Ibid.*
- <sup>18</sup> Peter Bellwood. (1988). Hlm. 120 dan 252.

- <sup>19</sup> *Ibid.* Hlm. 253.
- <sup>20</sup> Peter Bellwood. (1989). Hlm. 163.
- <sup>21</sup> Stephen Chia and Peter Koon. (2003). Recent Discovery of An Ancient Log Coffin in Semporna, Sabah. *Sabah Society Journal*. Vol. 20. Hlm. 35-43.
- <sup>22</sup> F. Landa Jocano. (1975). *Philippine Prehistory*. Diliman: Philippine Centre for Advanced Studies. Hlm. 215-232.
- <sup>23</sup> Maklumat diperoleh daripada En. John Sungkiang iaitu Wakil Ketua Anak Negeri di Tongod pada tahun 2007.
- <sup>24</sup> Yunus Sauman Sabin. (2004). Penyelidikan Arkeologi Terhadap Keranda Kayu Balak Di Lembah Kinabatangan, Sabah. *Buletin JMA 2002*. Jilid IV. Hlm. 1-9.
- <sup>25</sup> Yunus Sauman Sabin. (2001). Hlm. 22-40.
- <sup>26</sup> Yunus Sauman Sabin. (2004). Hlm. 3-4.
- <sup>27</sup> Bentuk pola hias pusaran atau *spiral* merupakan ciri yang umum bagi masyarakat Asia Tenggara bermula pada Zaman Neolitik seperti yang ditunjukkan oleh pola hias tembikar tanah yang dijumpai di Ban Chiang, Thailand, Gua Tabon di Palawan dan ia kemudiannya berterusan pada Zaman Logam apabila ia menjadi ciri pola hias utama bagi objek-objek logam seperti Gendang Gangsa Heger 1 yang tersebar secara meluas di Asia Tenggara termasuklah di Semenanjung Tanah Melayu.
- <sup>28</sup> Yunus Sauman Sabin. (2002). Hlm. 302-304.
- <sup>29</sup> *Ibid.* Hlm. 306-314.
- <sup>30</sup> *Ibid.*
- <sup>31</sup> Sewaktu penulis melakukan kajian lapangan di tapak ini, ia tidak ditemui tetapi Tom dan Barbara Harrison pernah melaporkan kehadirannya. Lihat Tom and Barbara Harrison. (1970). Hlm. 51.
- <sup>32</sup> Cerita-cerita lisan dari masyarakat setempat tentang hubungan antara manusia dengan buaya pernah dicatatkan oleh Barbara Harrison sewaktu penjelajahannya di Lembah Kinabatangan pada tahun 1960-an. Lihat, Barbara Harrison and Michael Chong, 1965. Hlm. 65.
- <sup>33</sup> Per Sorensen. (1979). The Ongbah Cave and Its Fifthe Drum. Dlm. R.B. Smith and W. Watson. (1979). *Early Southeast Asia: Essay in archaeology, history and historical geography*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Hlm. 168.
- <sup>34</sup> *Ibid.*

## Bibliografi

- Bellwood, Peter. (1988). *Archeological Research in South-eastern Sabah*, Kota Kinabalu: Sabah Museum and State Archives, 251-253.
- Bellwood, Peter. (1989). Archeological Investigation at Bukit Tengkorak and Segarong, South-eastern Sabah. *Bulletin of the Indo-Pacific Prehistory Association*. Bulletin 9, 122-165.
- Chia, Ming Soon, Stephen. (1997). The Prehistory of Bukit Tengkorak As a Major Pottery Making Site in Southeast Asia. Phd Theses, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Chia, Ming Soon and Peter Koon. (2003). Recent Discovery of an Ancient Log Coffin in Semporna, Sabah. *Sabah Society Journal*, 20, 35-43.
- Creagh, G.V. (1896). Unusual forms of burial by people of East Coast Borneo. *Journal of Anthropology Institute*, No 26.
- Creagh, G.V. Land Between Batu Putih and Lamag on the kinabatangan River Map of Lokan Forest Reserve, Kinabatangan District Sandakan Residency. *North Borneo Central Archives*, No 179 (C.F.108/28), September 1929.



- Harrison, Barbara and O.T. Bambi bin Ungap. (1964). Tapadong-700 years old cave history in Sabah. *Sarawak Museum Journal* (New Series), Vol II, No. 23-24.
- Harrison, Barbara and Michael Chong. (1965). Stones from Kinabatangan Caves, Sabah. *Sarawak Museum Journal* Vol XII, No. 25-26.
- Harrison, Tom and Barbara. (1970). *The Prehistory of Sabah*. Kota Kinabalu: Sabah Society.
- Jocano, F. Landa. (1975). *Philippine Prehistory*. Dilima: Philippine Centre for Advanced Studies, 215-232.
- Marsh, Clive, W. (1996). A Brief History of the Forest of the Upper Segama Region of Eastern Sabah. *Sabah Society Journal*. Vol 13, Kota Kinabalu Sabah Society.
- Sorenson, Per. (1979). The Ongbah Cave and Its Fifth Drum. Dlm R.B.Smith and W. Watson. (1979) *Early Southeast Asia:Essays in Archeology, History and Historical Geography*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Yunus Sauman Sabin. (2001). Tapak Pengebumian Purba di Lembah Danum, Hulu Segama Sabah, Satu Tinjauan. *Jurnal Persatuan Museum Malaysia*. Bil. 20, Kuala Lumpur. Persatuan Museum Malaysia. Hlm. 22-40.
- Yunus Sauman Sabin. (2002). Penyelidikan Arkeologi di Lembah Kinabatangan Sabah Dengan Tumpuan Kepada Gua Batu Tuluq. Disertasi Sarjana Sastera Universiti Malaya.
- Yunus Sauman Sabin. (2002). Sejarah dan Perkembangan Arkeologi di Sabah. *Jurnal Arkeologi Malaysia*. Kuala Lumpur: Ikatan Arkeologi Malaysia.
- Yunus Sauman Sabin. (2004). Penyelidikan Arkeologi Terhadap Keranda Kayu Balak Di Lembah Kinabatangan Sabah. *Buletin Jabatan Muzium Malaysia*, 2002, Jld IV, 1-9.